



PENGELUARAN MENINGGALKAN NEGARA

TUJUAN

Pengeluaran ini boleh dipohon oleh warganegara Malaysia yang telah melepaskan atau melucutkan taraf kewarganegaraan untuk berhijrah ke negara lain **ATAU** bukan warganegara Malaysia yang telah tamat tempoh perkhidmatan di negara ini dan ingin kembali ke negara asal.

KELAYAKAN MEMOHON

Kelayakan untuk memohon Pengeluaran Meninggalkan Negara :-

- Warganegara Malaysia / Penduduk Tetap (PR) yang telah melepaskan atau melucutkan taraf kewarganegaraan Malaysia; **ATAU**
- Bukan warganegara Malaysia (Ekspatriat / Pekerja Asing) yang telah tamat tempoh perkhidmatan dan kembali ke negara asal; **DAN**
- Masih mempunyai simpanan dalam akaun KWSP

SYARAT- SYARAT PENGELUARAN

- Ahli layak memohon sekiranya memenuhi syarat kelayakan seperti yang ditetapkan.
- Bagi Ekspatriat, ahli boleh memohon dalam tempoh dua bulan :-
 - (i) Sebelum tamat tempoh permit kerja atau sebelum tamat apa-apa tempoh lanjutan permit kerja dari tarikh permohonan dikemukakan; **ATAU**
 - (ii) Sebelum penamatan perkhidmatan oleh majikan.
- Bagi Pekerja Asing, ahli boleh memohon dalam tempoh dua bulan sebelum tamat tempoh permit kerja **ATAU** sebelum tamat apa-apa tempoh lanjutan permit kerja dari tarikh permohonan dikemukakan.

AMAUN YANG LAYAK DIKELUARKAN

Semua simpanan dalam akaun KWSP ahli.

SENARAI DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

A. DOKUMEN UTAMA (PERMOHONAN DARI DALAM MALAYSIA)

BIL.	SENARAI DOKUMEN	KATEGORI AHLI			
		BW *	PT *	E *	PA *
1.	Borang Pengeluaran KWSP 9K (AHL)	√	√	√	√
2.	Salinan pasport yang masih sah/luak yang jelas menunjukkan nama dan nombor pasport	√	√	√	√
3.	Surat Penolakan Kewarganegaraan Malaysia (Borang K / Borang Y); ATAU Surat Pengesahan Penolakan Kewarganegara Malaysia daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) / Kedutaan / Pesuruhjaya Tinggi / Konsulat Malaysia di luar negara	√			
4.	Surat Penyerahan Kad Pengenalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)		√		
5.	Permit kerja			√	√
6.	Bukti penamatan kerja <ol style="list-style-type: none"> (i) Surat berhenti kerja / penamatan kontrak oleh majikan (permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh dua bulan sebelum penamatan perkhidmatan oleh majikan); ATAU (ii) Surat / Penyata Pelepasan Cukai Pendapatan; ATAU (iii) Pembatalan permit kerja (permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh dua bulan sebelum tamat tempoh permit kerja atau sebelum tamat apa-apa tempoh lanjutan permit kerja) (iv) Pembatalan Pas Pemastautin bagi pekerja berstatus TALENT. 			√	
7.	Borang Pengesahan Bayaran Caruman Ahli oleh Majikan (sekiranya pemohon masih bekerja); ATAU Surat Pengesahan pengenalan diri pemohon oleh pihak Kedutaan Negara pemohon (sekiranya pemohon tidak lagi bekerja)			√	√
8.	Memo Periksa Keluar dari Jabatan Imigresen Malaysia				√

*** Nota:**

BW - Bekas Warganegara, PT - Penduduk Tetap, E – Ekspatriat dan PA - Pekerja Asing.

B. DOKUMEN TAMBAHAN (JIKA BERKAITAN)

BIL.	SENARAI DOKUMEN	KATEGORI AHLI			
		BW *	PT *	E *	PA *
1.	Pembayaran Secara Pengkreditan Terus Ke Akaun Bank Ahli Buku Bank / Penyata Akaun Simpanan ATAU Penyata Akaun Semasa ATAU Surat Pengesahan Bank Mengenai Butiran Pemegang Akaun ATAU Cetakan Butiran Pemegang Akaun Melalui Laman Web. Nota : <ul style="list-style-type: none"> Mempunyai akaun di bank panel KWSP yang dilantik Akaun bank mestilah yang masih aktif Ahli dinasihatkan untuk mengemaskini nombor pasport dalam buku bank / penyata akaun dengan nombor pasport yang terkini bagi mengelakkan berlakunya kegagalan pengkreditan terus. (Dokumen asal dikecualikan jika ahli dapat memberi maklumat akaun bank dengan betul tanpa merujuk kepada dokumen asal. Ketepatan maklumat penting bagi mengelakkan pengkreditan terus ke akaun ahli gagal) 	√	√	√	√
2.	Sekiranya nombor pasport terkini berbeza dengan rekod KWSP <ul style="list-style-type: none"> Salinan pasport yang lama (pasport semasa mula mendaftar dengan KWSP) 			√	√
3.	Sekiranya pasport asal yang sah tiada dalam simpanan pemohon <ul style="list-style-type: none"> Surat Pengesahan Perjalanan Sementara daripada Kedutaan Negara pemohon di Malaysia 			√	√
4.	Sekiranya maklumat ahli dalam rekod KWSP tidak lengkap atau tidak sepadan <ul style="list-style-type: none"> Surat Pengesahan Pengenalan Diri Pemohon oleh Majikan (sekiranya majikan masih beroperasi); ATAU Surat Pengesahan Pengenalan Diri Pemohon oleh pihak Kedutaan Negara pemohon (sekiranya majikan tidak lagi beroperasi); ATAU Borang Pengesahan Bayaran Caruman Ahli oleh Majikan (sekiranya pemohon masih bekerja) 			√	
5.	Sekiranya terdapat perbezaan maklumat di dalam pasport dengan rekod KWSP <ul style="list-style-type: none"> Sijil Perkahwinan atau Sijil Kelahiran atau dokumen sokongan lain yang berkaitan (sekiranya terdapat perbezaan nama) 	√	√	√	√
6.	Sekiranya, ahli mengemukakan permohonan menerusi pos <ul style="list-style-type: none"> Borang Permohonan Pendaftaran Ahli dan Pindaan Maklumat (KWSP3). 	√	√	√	√

*** Nota:**

BW - Bekas Warganegara, PT - Penduduk Tetap, E – Ekspatriat dan PA - Pekerja Asing.

C. DOKUMEN BAGI PERMOHONAN DARI LUAR MALAYSIA

BIL.	SENARAI DOKUMEN	KATEGORI AHLI			
		BW *	PT *	E *	PA *
1.	Borang Pengeluaran KWSP 9K (AHL)	√	√	√	√
2.	Salinan pasport yang masih sah/luaku yang jelas menunjukkan nama dan nombor pasport	√	√	√	√
3.	Surat Penolakan Kewarganegaraan Malaysia (Borang K / Borang Y); ATAU Surat Pengesahan Penolakan Kewarganegaraan Malaysia daripada Jabatan Pendaftaran Negara/ Kedutaan / Pesuruhjaya Tinggi / Konsulat Malaysia di luar negara	√			
4.	Surat Penyerahan Kad Pengenalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)		√		
5.	Untuk lain-lain dokumen tambahan (sekiranya berkaitan), senarai dokumen adalah sama seperti di jadual B.	√	√	√	√

*** Nota:**

BW - Bekas Warganegara, PT - Penduduk Tetap, E – Ekspatriat dan PA - Pekerja Asing.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Tanggungjawab Mencarum

- Ahli bukan warganegara tidak wajib mencarum dengan KWSP tetapi boleh memilih untuk mencarum dengan mengemukakan Borang 16B (Notis Pilihan Kepada KWSP Dan Majikan Bagi Orang Bukan Domisil).
- Tanggungjawab mencarum terhenti 2 bulan terakhir sebelum tamat tempoh permit kerja atau sebelum tamat apa-apa tempoh lanjutan permit kerja.
- Sekiranya ahli telah membuat Pengeluaran Meninggalkan Negara, ahli terhenti sebagai ahli KWSP mengikut peruntukan Akta. Sekiranya ahli kembali ke Malaysia dan bekerja semula, ahli boleh memilih untuk mencarum dengan menggunakan nombor KWSP yang baru.

Kadar Caruman

- Kadar caruman sebelum umur 55 tahun tertakluk kepada Jadual Ketiga Bahagian B (caruman majikan RM5.00 dan caruman pekerja 11%)
- Kadar caruman selepas umur 55 tahun tertakluk kepada Jadual Ketiga Bahagian D (caruman majikan RM5.00 dan caruman pekerja 5.5%)
- Bagaimanapun, majikan dan pekerja dibenarkan untuk mencarum melebihi kadar berkanun yang ditetapkan dengan mengisi Borang KWSP 17 (bagi majikan) dan KWSP 17A (bagi pekerja).

Kelayakan Pengeluaran

KATEGORI AHLI	PENGELUARAN YANG LAYAK DIBUAT
Bukan warganegara Malaysia (ahli yang mencarum pada atau selepas 1 Ogos 1998)	<ul style="list-style-type: none">• Pengeluaran Meninggalkan Negara; ATAU• Pengeluaran Hilang Upaya; ATAU• Pengeluaran Kematian
<ul style="list-style-type: none">• Bukan warganegara Malaysia (ahli yang mencarum sebelum 1 Ogos 1998); ATAU• Ahli bukan warganegara yang mendapat taraf Penduduk Tetap (PR); ATAU• Warganegara Malaysia yang membuat Pengeluaran Meninggalkan Negara sebelum 1 Ogos 1995	Ahli layak memohon semua jenis pengeluaran yang disediakan oleh KWSP tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

Bantuan Hilang Upaya, Bantuan Kematian atau Penamaan

- Ahli **tidak layak** menerima amaun bantuan hilang upaya, amaun bantuan kematian dan membuat penamaan **KECUALI**
 - (i) Ahli warganegara Malaysia; **ATAU**
 - (ii) Ahli bukan warganegara Malaysia yang mendapat taraf Penduduk Tetap (PR); **ATAU**
 - (iii) Ahli bukan warganegara Malaysia yang mencarum sebelum 1 Ogos 1998

Pelepasan Kawalan Ke Atas Pelaburan

- KWSP akan melepaskan kawalan ke atas pelaburan ahli di Institusi Pengurusan Dana (IPD) apabila ahli mencapai umur 55 tahun atau mengeluarkan semua simpanan ahli di bawah *Pengeluaran Meninggalkan Negara*, Pengeluaran Hilang Upaya, Pengeluaran Pekerja Berpencen dan Pengeluaran Kematian.

KAEDAH BAYARAN

(i) Bayaran Dalam Malaysia

- Semua bayaran pengeluaran akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank ahli dengan syarat :-
 - a. Ahli mempunyai akaun bank dengan bank panel KWSP yang dilantik; **DAN**
 - b. Akaun bank ahli masih aktif; **DAN**
 - c. Nombor pengenalan diri ahli adalah sama dengan rekod bank.
 - d. Bayaran dibuat dalam matawang Ringgit Malaysia (RM)
- Bagaimanapun, sekiranya bayaran tidak berjaya dikreditkan ke dalam akaun bank ahli seperti akaun bank tidak aktif atau nombor Kad Pengenalan Diri tidak sepadan, bayaran akan dibuat melalui cek jurubank.

(ii) Bayaran Luar Malaysia

Bayaran adalah melalui Draf Bank Asing. Jenis matawang adalah seperti berikut :-

- Matawang asing mengikut pilihan ahli di dalam borang permohonan dengan syarat matawang tersebut ada disenaraikan oleh KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing; **ATAU**
- Matawang US Dollar sekiranya jenis matawang yang dipohon oleh ahli dalam borang permohonan tiada dalam senarai KWSP bagi tujuan bayaran secara Draf Bank Asing.

Nota :

KWSP akan membuat pengesahan semula dengan ahli sekiranya jenis matawang yang dipilih dalam borang permohonan tiada dalam senarai yang dibenarkan atau sebelum menukar jenis matawang kepada US Dollar.

CARA PERMOHONAN DIHANTAR

Permohonan boleh dihantar di mana-mana cawangan KWSP sama ada melalui serahan di kaunter ATAU melalui pos.

SERAHAN DI KAUNTER

- Sila bawa bersama **SEMUA** dokumen asal bagi tujuan pengesahan oleh Pegawai KWSP.
- Bagaimanapun, jika salinan dokumen telah dibuat pengesahan, sila pastikan salinan dokumen disahkan oleh pegawai yang dibenarkan oleh KWSP, lengkap dengan tandatangan, nama, jawatan dan cop rasmi pengesah.

SERAHAN MELALUI POS

- Sila pastikan **SEMUA** salinan dokumen telah disahkan pegawai yang dibenarkan oleh KWSP, lengkap dengan tandatangan, nama, jawatan dan cop rasmi pengesah.
- Permohonan melalui pos boleh dialamatkan kepada :-

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

Karung Berkunci No. 220
Jalan Sultan
46720 Petaling Jaya
SELANGOR

PERTANYAAN

Jika ahli mempunyai kemusykilan atau memerlukan maklumat lanjut mengenai pengeluaran ini, sila hubungi :-

- Mana-mana cawangan KWSP yang berhampiran
- Pusat Pengurusan Panggilan KWSP. Tel: **03-8922 6000**
- Maklumbalas Pelanggan, <http://enquiry.kwsp.gov.my>

Sila nyatakan nombor KWSP atau nombor Kad Pengenalan ahli dan jenis pengeluaran yang dipohon apabila berurusan dengan KWSP. Ahli juga boleh melayari laman web KWSP di alamat www.kwsp.gov.my bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai jenis pengeluaran KWSP dan panduan umum kepada ahli.

Anda Keutamaan Kami

Tarikh Cetakan : Oktober 2014